

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK WEE JECK SENG
[TANJONG PIAI]**

TARIKH : 15 MAC 2016 (SELASA)

SOALAN : 29

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah langkah diambil bagi mengatasi capaian internet dan telefon yang lemah dan tidak stabil di kawasan penempatan penduduk luar bandar.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi menambah baik capaian jalur lebar dan liputan selular di kawasan luar bandar. Sehingga 31 Januari 2016, antara inisiatif tersebut adalah seperti berikut :

1. Sebanyak 657 lokasi Pusat Internet 1Malaysia adalah berstatus siap dan beroperasi;

SOALAN NO : 29

2. Sebanyak 2,977 buah lokasi WiFi Komuniti adalah berstatus siap dan beroperasi;
3. Sebanyak 1,000 buah menara komunikasi di bawah program Peluasan Liputan Selular - Menara Komunikasi adalah berstatus siap dan beroperasi;
4. Sebanyak 1,410 buah lokasi projek Liputan Jalur Lebar Mudah Alih 3G telah dinaik taraf; dan
5. Sebanyak 3,216 port telah disediakan bagi projek Jalur Lebar Luar Bandar (RBB).